

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
1.	Menambah skop kajian hidrologi dan hidrogeologi tambahan terhadap alur air yang menyambung dari Sg. Umbai dan aliran semulajadi dari Kg. Pernu ke laut yang tidak dinyatakan di dalam skop kajian. Alur air ini dijangka akan terganggu dengan cadangan penambakan ini dan memberi kesan kepada perkampungan berdekatan.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 7-7.	
2.	Mengemukakan cadangan kaedah tambakan yang paling minima kepada alam sekeliling dan langkah cadangan untuk kaedah pengurusan spoil sekiranya disahkan ada melalui kajian ini serta tapak pelupusan yang dicadangkan.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 5-3.	
3.	Mengemukakan kaedah land clearing yang bersesuaian dalam menguruskan biomass pesisir pantai iaitu pokok bakau yang dikenalpasti tumbuh secara semulajadi di sepanjang 2.45 kilometer di sepanjang pesisir pantai tapak cadangan.	JAS Melaka	Tiada <i>land clearing</i> akan dilaksanakan.	
4.	Pejabat ini juga ingin menarik perhatian supaya cadangan penambakan bagi pembangunan bercampur ini adalah selaras dengan rancangan tempatan setempat dan merujuk Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu Negeri Melaka (Integrated Shoreline Management Plan, ISMP) yang telah dibangunkan.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 1-6.	
5.	Mengkaji semula keperluan memasukkan Pulau Menatang sebagai antara lokasi kajian memandangkan ianya adalah pulau semulajadi terhampir dengan tapak cadangan. Impak hidrologi juga perlu diberikan perhatian kepada pulau ini secara kumulatif dengan mengambilkira pembangunan KAJ Development Sdn. Bhd. yang turut berada berhampiran tapak cadangan.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 7-6.	
6.	Semakan di lapangan mendapati terdapat aktiviti perikanan secara konvensional yang dilaksanakan oleh nelayan tempatan dengan wujudnya pancang-pancang dan penanda bagi tujuan perikanan di sekitar kawasan yang bakal ditambah. Kajian impak dan bayaran pampasan yang bersesuaian di dalam skop sosio ekonomi perlu diberi perhatian.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 7-26.	
7.	Mengkaji impak positif kepada masyarakat tempatan seperti peluang pekerjaan dan cabang perniagaan baharu	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 7-32.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	yang akan wujud kesan daripada aktiviti penambakan yang akan meningkatkan kualiti hidup kepada penduduk tempatan terutamanya nelayan dan juga peniaga medan ikan bakar berdekatan.			
8.	Impak trafik darat perlu diberi perhatian kerana buat masa ini akses ke kawasan tambakan bergantung kepada jalan masuk kampung sediaada yang tidak bersesuaian untuk kegunaan jentera berat dan turut menimbulkan isu keselamatan.	JAS Melaka	Sila rujuk mukasurat 7-23.	
9.	Kajian geologi marin perlu dilakukan dengan meneliti Laporan Siasatan Tapak (SI) yang telah dijalankan. Profil geologi kawasan perlu disediakan. Sekiranya pihak perunding memerlukan bantuan dari Jab. Mineral dan Geosains, boleh menghubungi Unit Geologi Marin, Bahagian Perkhidmatan Teknikal (BPT) Ipoh.	Jab. Mineral dan Geosains N. Sembilan & Melaka	Pakar geologi telah pun dilantik oleh perunding sivil dan struktur untuk meneliti Laporan SI. Walaubagaimanapun, kajian geologi tidak dimasukkan ke dalam Laporan EIA dan akan dilaksanakan berasingan.	
10.	Ketua Perunding dikehendaki melantik seorang perunding geologi yang berkelayakan dan berdaftar di bawah Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BOG). Ini tertakluk kepada pemakaian Seksyen 27 Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689), mana-mana laporan geologi atau perkhidmatan geologi mestilah disediakan oleh ahli profesional yang berdaftar dengan lembaga ini.	Jab. Mineral dan Geosains N. Sembilan & Melaka	Pakar geologi telah pun dilantik oleh perunding sivil dan struktur untuk meneliti Laporan SI i.e. Muhammad Farhad bin Ramli (H/P: 012-3790384) dan Muhamas Aidil bin Mustafa (H/P: 017-3966732). Walaubagaimanapun, kajian geologi tidak dimasukkan ke dalam Laporan EIA dan akan dilaksanakan berasingan.	
11.	Laporan EIA juga perlu mengutarakan dengan ringkas tentang isu-isu kesan yang berpotensi berlaku sewaktu penambakan laut dan langkah-langkah mengatasi sesuatu isu tersebut.	Jab. Mineral dan Geosains N. Sembilan & Melaka	Sila rujuk Bab 7 dan Bab 8.	
12.	Laporan lengkap multibeam survey di kawasan cadangan dengan menunjukkan tanda seabed scour dan seabed mount bagi paparan imej yang lebih jelas untuk semakan terperinci pihak jabatan.	Jabatan Warisan Negara (JWN)	Seperti yang telah dipersetujui oleh Pn. Farizah binti Ideris dan En. Ruzairy bin Arbi daripada Jabatan Warisan Negara semasa perbincangan dengan pihak perunding EIA pada 11hb Jun 2018, survey-survey ini akan dilakukan oleh penggerak projek sebelum kerja-kerja fizikal di tapak dilaksanakan. Sila rujuk surat daripada JWN bertarikh 18 Julai 2018 di Appendix III.	
13.	Laporan lengkap sub bottom profile survey dan magnetometer survey di kawasan cadangan bagi tujuan	Jabatan Warisan	Seperti yang telah dipersetujui oleh Pn. Farizah binti Ideris dan En. Ruzairy bin Arbi daripada Jabatan	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	kajian / pemeriksaan tapak tersebut secara menyeluruh bagi memastikan atau mengesan sebarang tanda warisan kebudayaan di bawah air yang mungkin terdapat di kawasan tersebut.	Negara (JWN)	Warisan Negara semasa perbincangan dengan pihak perunding EIA pada 11hb Jun 2018, survey-survey ini akan dilakukan oleh penggerak projek sebelum kerja-kerja fizikal di tapak dilaksanakan. Sila rujuk surat daripada JWN bertarikh 18 Julai 2018 di Appendix III.	
14.	Konsep cadangan projek penambakan laut ini dan pembangunan di atasnya hendaklah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara-2 dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 1-6.	
15.	Cadangan projek penambakan laut pulau buatan ini dan pembangunan di atasnya hendaklah selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Melaka dan Rancangan Tempatan Daerah bagi kawasan berkenaan yang perlu dirujuk dan dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan EIA.	JAS HQ	Kawasan projek akan ditambak terus ke tanah besar dan bukanlah sebuah pulau buatan. Sila rujuk mukasurat 1-6.	
16.	Kenyataan keperluan hendaklah dinyatakan di dalam TOR.	JAS HQ	Telah dinyatakan di dalam <i>Revised TOR</i> .	
17.	Sepertimana yang dinyatakan di atas, konsep cadangan projek penambakan laut ini dan pembangunan di atasnya hendaklah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara-2 dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan kawasan berkenaan.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 1-6.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
18.	<p>Komponen-komponen cadangan projek yang perlu dikaji dengan terperinci dan saintifik dan hendaklah merangkumi huraian projek yang lengkap, kajian impak dan cadangan langkah kawalan yang efektif adalah antaranya:-</p> <p>i) Penambakan;-</p> <p>a. Pemilihan layout dan landform penambakan dan struktur penahan ombak (breakwater) perlu berdasarkan kepada beberapa opsyen yang telah diuji dengan menggunakan model hidraulik dan terbukti memberi kesan yang paling minima kepada alam sekitar, sosio ekonomi dan aspek navigasi.</p> <p>b. Menjelaskan kaedah penambakan laut (method statement) yang akan digunakan dengan mengambilkira impak yang paling minima kepada alam sekitar.</p> <p>c. Menyatakan dengan jelas kriteria bagi sumber pasir laut (sand source) yang akan digunakan untuk tujuan penambakan laut dari segi kuantiti iaitu jenis pasir, komposisi kandungan kelodakan (silt content) (peratusan) bagi memastikan kesan kelodakan yang minimum ke atas ekosistem marin di kawasan persekitaran kawasan penambakan laut.</p> <p>d. Bagi sumber bahan penambak (pasir laut) yang telah diketahui pembekalnya, nama pembekal pasir laut yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan dan lokasinya hendaklah dinyatakan. Sekiranya belum diketahui nama pembekal pasir laut yang dilesenkan Pihak Berkuasa, nyatakan lokasi kawasan sumber pasir laut yang dijangka akan diperolehi supaya laluan dari sumber pasir ke tapak cadangan projek dapat dikenalpasti.</p>	JAS HQ	<p>Sila rujuk mukasurat 7-2.</p> <p>Sila rujuk mukasurat 5-3.</p> <p>Sila rujuk mukasurat 5-2 dan 6-12.</p> <p>Sila rujuk mukasurat 5-2.</p>	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	ii) Pembangunan di atas tanah tambakan:-  a. Nyatakan dengan jelas komponen-komponen pembangunan di atas tanah tambakan.		Skop Laporan EIA ini hanya untuk tujuan penambakan. Komponen-komponen pembangunan di atas tanah tambakan belum dimuktamadkan.	
19.	Huraian dan penjelasan terperinci berhubung lokasi cadangan projek yang merangkumi:-  i) Pelan gunatanah terkini yang jelas, terperinci dan lengkap dalam lingkungan 5 km radius (ditunjukkan radius bagi setiap 250m, 500m dan seterusnya) yang jelas menunjukkan setiap 'environmental sensitive receptors' di sekitarnya dalam saiz A3; dan turut mengambilkira 'environmental sensitive receptors' yang terlibat.  ii) Pelan lokasi yang jelas dengan menunjukkan dan menyatakan jarak di antara lokasi cadangan projek dengan kawasan sensitif alam sekitar dalam lingkungan sekurang-kurangnya 5 km radius, antaranya seperti berikut:-  a. Penempatan penduduk. b. Jeti nelayan dan pelabuhan. c. Kawasan pelancongan seperti chalet, resort, pantai peranginan. d. Kawasan sensitif alam sekitar seperti koloni rumput laut, kawasan paya bakau persisiran pantai, Taman Negeri, kawasan terumbu karang, kawasan intertidal mudflat, habitat marin dan terrestrial, paya bakau, kawasan sensitif ekologi dan kawasan-kawasan sensitif aiamek sekitar perlu dikemukakan.  iii) Sebarang peta dan gambarajah yang ditunjukkan hendaklah terkini, jelas, lengkap dengan legend, ditandakan lokasi projek, tanda arah dan boleh dibaca.  iv) Peta yang digunakan hendaklah dinyatakan sumbernya yang sah.	JAS HQ	Sila rujuk Figure 6.1, mukasurat 6-1a.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
20.	Kesemua penjelasan mengenai alam sekitar sedia ada dan stesen-stesen persampelan dan pengawasan data garis dasar alam sekitar hendaklah ditunjukkan dengan jelas.	JAS HQ	Sila rujuk Bab 6.	
21.	Terdapat beberapa sungai di sekitar kawasan tapak projek. Walaubagaimanapun, tidak disebutkan berkenaan kajian yang akan dijalankan untuk melihat isu backflow dan banjir kilat. Perjelaskan.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-7.	
22.	TOR perlu dikemaskini dengan memasukkan kajian-kajian impak berikut yang perlu dikaji dan nyatakan metodologi dengan jelas:- i) Kajian kebolehtayaran, keselamatan pelayaran dan trafik marin. ii) Kajian guna tanah (land use).	JAS HQ	TOR telah dikemaskini.	
23.	Di antara kajian impak isu-isu kritikal yang perlu dikaji dengan terperinci dan komprehensif adalah:-  i) Impak Hidraulik - Kajian hidraulik terperinci bagi mengenalpasti kesan hakisan dan pemendapan (accretion) yang akan berlaku di sekitar kawasan cadangan projek termasuklah persisiran pantai berdekatan, impak banjir di kawasan muara sungai berdekatan, perubahan kualiti air laut sekiranya tiada flushing berlaku di dalam kawasan penambakan dan lain-lain impak berkaitan hidraulik dan hidrodinamik. Keputusan kajian hidraulik yang lengkap beserta data-data yang sahih bagi aktiviti penambakan persisiran pantai dan juga penerangan terperinci mengenai cadangan projek hendaklah dikemukakan kepada JPS dan dinyatakan dengan mengambilkira setiap komponen penambakan yang dinyatakan di dalam dokumen TOR bagi cadangan projek tersebut di atas antara lainnya kaedah-kaedah penambakan yang digunapakai, langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang dicadangkan dan kemungkinan berlakunya kegagalan fungsi penambakan dan bencana alam, perlu diambilkira di dalam Laporan EIA terperinci kelak.	JAS HQ	Kajian Hidraulik telah dilaksanakan dan telah diluluskan oleh JPS. Surat kelulusan Kajian Hidraulik boleh didapati di Appendix V. Keputusan Kajian Hidraulik juga telah dimasukkan ke dalam Laporan EIA di dalam Bab 6, 7 & 8.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	ii) Impak kepada Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Ekologi Marin - antaranya kawasan sensitif alam sekitar seperti koloni rumput laut, kawasan paya bakau persisiran pantai, Taman Negeri, kawasan terumbu karang, kawasan intertidal mudflat, habitat marin dan terrestrial, paya bakau, kawasan sensitif ekologi dan pendaratan penyu serta lain-lain.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-64.	
	iii) Impak Kualiti Air:-  a. Had pelepasan kumbahan hendaklah merujuk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. b. Kajian kualiti air hendaklah menunjukkan dengan terperinci punca-punca efluen yang dihasilkan dengan menyatakan kuantiti dan kualiti efluen yang dihasilkan, termasuklah flowrate, loading dan sebagainya. c. Modelling kualiti air marin yang dijalankan hendaklah menunjukkan dengan jelas impak pelepasan kumbahan ke laut yang dibandingkan dengan National Marine Water Quality Standards for Malaysia terbitan Jab. Alam Sekitar. d. Lokasi takat pelepasan akhir bagi kumbahan hendaklah dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan yang jelas. e. Kajian sediment plume hasil daripada aktiviti penambakan bagi menilai kesan kepada ekologi marin.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-15.	
	iv) Impak Kebolehlayaran, Keselamatan Pelayaran dan Trafik Marin - Ramalan impak kepada kebolehlayaran dan keselamatan pelayaran hendaklah dijalankan secara terperinci melalui navigation simulation.	JAS HQ	Navigation simulation tidak dilaksanakan. Sila rujuk surat-surat ulasan daripada Jabatan Laut dan Lembaga Pelabuhan Melaka di Appendix III. Impak terhadap trafik marin dinyatakan di mukasurat 7-23.	
	v) Impak Bunyi Bising - Kajian bunyi bising hendaklah dijalankan dan berdasarkan kepada garis panduan "The Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control" terbitan Jab. Alam Sekitar.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-22.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	vi) Pengurusan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual:-  a. Kaedah pengurusan sisa pepejal hendaklah mematuhi kehendak di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, 2007 di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. b. Kaedah pengurusan buangan terjadual hendaklah mematuhi kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-12.	
	vii) Impak Kesihatan Awam - Kajian impak kesihatan awam kepada penerima sensitif terutamanya bagi kawasan penempatan yang terletak dalam lingkungan 1-5 km dari tapak cadangan projek hendaklah dijalankan mengikut "Guidance Document on Health Impact on Health Impact Assessment (HIA) in Environmental Impact Assessment (EIA)" terbitan Jab. Alam Sekitar.	JAS HQ	Kajian impak kesihatan awam dilaksanakan menggunakan sumber sekunder sahaja. Sila rujuk mukasurat 6-57.	
	viii) Sosio Ekonomi - a.Kajian sosio ekonomi hendaklah melihat kepada kesan kepada industri perikanan, industri pelancongan dan pembangunan ekonomi tempatan menggunakan data yang didapati daripada tinjauan, data sekunder, Focus Group Discussion (FGD) dan perjumpaan awam (public meeting) dengan stakeholders yang berkaitan.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-26.	
24.	Kajian EIA perlu mencadangkan langkah-langkah kawalan yang efektif dan berkesan bagi menangani impak yang dlramalkan, antara lainnya seperti berikut:-  (i) Kesemua langkah kawalan yang dinyatakan di laporan EIA terperinci hendaklah projek spesifik dan terperinci serta perlu dikaji bagi setiap impak kritikal yang dijangkakan;  (ii) Komitmen daripada pemaju untuk memasang langkah-langkah kawalan yang berkesan dan terbukti dapat	JAS HQ	Sila rujuk Bab 8.  Sila rujuk <i>Declaration</i> daripada pihak pemaju di muka surat hadapan Laporan EIA.	



**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	<p>meminimakan impak negatif kepada alam sekeliling, semasa kerja-kerja penambakan dan pengerukan seperti pemasangan "double-layered silt curtain"/ lain lain, penggunaan sumber pasir yang baik dan berkualiti, kaedah penambakan yang mesra alam dan sebagainya; dan</p> <p>(iii) Sistem pengolohan kumbahan hendaklah dijelaskan dengan terperinci dan spesifik dari segi rekabentuk, keupayaan (efficiency) serta jenisnya. Maklumat berkaitan peralatan hendaklah dinyatakan. Had-had pelepasan bagi parameter-parameter kumbahan yang akan dicapai (discharge standards) mengikut spesifikasi dan rekabentuk sistem hendaklah dinyatakan.</p>		<p>Laporan EIA ini hanya untuk tujuan penambakan. Sistem kumbahan kekal hanya akan disediakan kemudian semasa pembangunan di atas tanah tambakan dilaksanakan.</p>	
25.	<p>Pelan penutupan dan pemulihan hendaklah dijelaskan sekiranya cadangan projek ini gagal disiapkan, ditamatkan atau telah tamat, bagi setiap peringkat pelaksanaan iaitu sama ada di peringkat penambakan, peringkat pembinaan dan pengoperasian.</p>	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 8-28.	
26.	<p>ERP yang menjelaskan tindakan bagi menangani tumpahan minyak, perlanggaran vesel, kebakaran, letupan dan sebagainya hendaklah dinyatakan di setiap peringkat pelaksanaan projek.</p>	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 9-6.	
27.	<p>Metodologi setiap kajian hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam TOR.</p>	JAS HQ	Telah dikemukakan di dalam <i>Revised TOR</i> .	
28.	<p>Maklumat dan data yang digunakan di dalam kajian EIA perlulah terkini (current data) dan mengambilkira keperluan kajian data-data sepanjang tahun kebelakangan sebagai perbandingan dan sebahagian daripada modelling yang dijalankan</p>	JAS HQ	Sila rujuk Bab 6.	
29.	<p>Lokasi stesen-stesen pensampelan garisdasar bagi kesemua parameter yang akan dikaji hendaklah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan/peta.</p>	JAS HQ	Sila rujuk Bab 6: Figure 6.19, 6.20 dan 6.21	
30.	<p>Rujukan garispanduan-garispanduan yang berkaitan hendaklah berpandukan garispanduan yang terkini terbitan Jabatan Alam Sekitar dan garispanduan-garispanduan daripada agensi lain yang berkaitan seperti garispanduan berkaitan hidraulik</p>	JAS HQ	Senarai rujukan adalah seperti yang dinyatakan di <i>References</i> .	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

<b>No.</b>	<b>Perkara/ Item / Komen-komen</b>	<b>Jabatan</b>	<b>Rujukan Dalam Laporan EIA</b>	<b>Ulasan JAS</b>
31.	Jadual Pelaksanaan Projek hendaklah disertakan.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 5-7.	
32.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan project option dinyatakan berdasarkan dari kajian hidraulik.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk Bab 4.	
33.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan peta kawasan penambakan diperbaiki bagi memberi gambaran sebenar tentang keseluruhan kawasan yang akan ditambak. Dalam hal ini mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan T Section di dalam rajah di dalam TOR diperbetulkan bagi memberi gambaran sebenar cadangan projek tersebut.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Telah dibetulkan. Sila rujuk <i>Revised TOR</i> / Bab 2.	
34.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan supaya hydraulic modelling dan bathymetry survey hendaklah dijalankan dan memastikan kawasan sensitif tidak terjejas. Dalam hal berkaitan, Jabatan Laut meminta pemaju dan jururunding memastikan Bathymetry survey hendaklah dijalankan mengikut standard IHOS-44 dan data hendaklah dikemukakan kepada pihak PHN bagi tujuan kemaskini untuk tujuan keselamatan pelayaran.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Kajian Hidraulik telah dilaksanakan dan telah diluluskan oleh JPS. Surat kelulusan Kajian Hidraulik boleh didapati di Appendix V. Keputusan Kajian Hidraulik juga telah dimasukkan ke dalam Laporan EIA di dalam Bab 6, 7 & 8.	
35.	Mesyuarat meminta pemaju dan Jururunding memastikan bahawa pemodelan kualiti air di Sungai Umbai, Sungai Dungu dan Sungai sungai berkepentingan lain dan mengambilkira 2 way hidrology flow kerana ia sangat kritikal. Ini kerana kerana penambakan akan memberi impak besar kepada kawasan terbabit.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Telah dilaksanakan di dalam Kajian Hidraulik.	
36.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan Traffic Impact Assessment dijalankan bagi memastikan kapal kapal laluan dapat beroperasi dengan baik di peringkat perancangan dan operasi. Dalam hal ini, kerjasama agensi terlibat (awam dan swasta) amat penting dalam memastikan matlamat ini tercapai. Mesyuarat turut meminta supaya pemaju dan jururunding menyatakan kaedah menjalankan traffic impact.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Marine Traffic Assessment (MTA) telah dilaksanakan. Sila rujuk mukasurat 7-23.	
37.	Jabatan Laut turut meminta pemaju dan jururunding menilai semula sama ada alat bantuan pelayaran yang baru diperlukan di kawasan memandangkan apabila	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac	Sila rujuk mukasurat 8-12.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	penambakan berlaku, terdapat perubahan struktur kritikal muka bumi di kawasan tersebut yang mungkin menjejaskan keselamatan pelayaran.	2018		
38.	Jabatan Laut meminta pemaju dan jururunding memasukkan kajian risiko trafik kesan aktiviti penambakan dan pengambilan pasir ke atas kapal nelayan dan kapal dagang di dalam kajian EIA yang akan dijalankan. Dalam hal berkaitan, mitigating measures yang dicadangkan perlu dibentangkan kepada Jabatan Laut. Dalam hal berkaitan, wakil Jabatan Perikanan Melaka memaklumkan isu pelayaran dan pelanggaran pukal nelayan oleh kapal korek juga antara isu yang perlu diberi perhatian.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Marine Traffic Assessment (MTA) telah dilaksanakan. Pembentangan di Jabatan Laut juga telah dilaksanakan. Sila rujuk surat ulasan daripada Jabatan Laut dan Lembaga Pelabuhan Melaka di Appendix III.	
39.	Jabatan Perikanan Malaysia meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan Fisheries Impact Assessment (FIA) hendaklah dilaksanakan mengikut garis panduan yang disediakan dan mengemukakan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk kelulusan. Engagement hendaklah dijalankan dengan turut melibatkan Jabatan Perikanan. Jabatan Perikanan Malaysia meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan cadangan off set program hendaklah spesifik dan praktikal serta mendapat persetujuan Jabatan Perikanan.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk surat daripada Yayasan Melaka bertarikh 25 Februari 2019 di Appendix III.	
40.	Mesyuarat meminta pemaju dan Jururunding membuat pembetulan ke atas Parameter Polynuclear Aromatic Hydrocarbon yang perlu ditukar kepada Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAH) ke dalam senarai parameter bagi air marin di dalam Laporan TOR.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Pembetulan telah dibuat. Sila rujuk <i>Revised TOR</i> .	
41.	Mesyuarat meminta pemaju dan jururunding memastikan supaya pengiraan berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin dibuat.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk mukasurat 6-19.	
42.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan Jururunding memastikan jururunding bagi air quality dan waste disenaraikan di dalam TOR.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Jururunding bagi air quality dan waste tidak diperlukan memandangkan cadangan projek ini hanyalah untuk tujuan penambakan yang tidak akan memberi kesan yang besar kepada udara dan hanya akan menghasilkan sisa (waste) yang minima.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
43.	Kajian <i>Economic Valuation of the Environmental Impacts</i> hendaklah dijalankan secara terperinci dan diterjemahkan dalam nilai wang ( <i>monetize</i> ) dan mengikut <i>"Guidelines on the Economic Valuation of the Environmental impacts for EIA Projects"</i> terbitan Jabatan Alam Sekitar.	JAS HQ	Sila rujuk mukasurat 7-34.	
44.	Mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan supaya sekiranya terdapat kemusnahan habitat, pemaju hendaklah mengemukakan cadangan mitigasi <i>/off set</i> projek dan hendaklah dipersetujui oleh agensi yang berkaitan.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk mukasurat 8-19.	
45.	Jabatan Perikanan Malaysia meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan <i>Fisheries Impact Assessment</i> hendaklah dilaksanakan mengikut garis panduan yang disediakan dan mengemukakan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk kelulusan. Engagement hendaklah dijalankan dengan turut melibatkan Jabatan Perikanan. Jabatan Perikanan Malaysia meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan cadangan off set program hendaklah spesifik dan praktikal serta mendapat persetujuan Jabatan Perikanan	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk surat daripada Yayasan Melaka bertarikh 25 Februari 2019 di Appendix III.	
46.	Mesyarat dimaklumkan oleh wakil Jabatan Taman Laut Malaysia dan Jabatan Perikanan Melaka bahawa penambakan akan mengakibatkan kehilangan kawasan penternakan ikan dan langkah mitigasi yang besesuaian perlu dicadangkan. Dalam hal ini jururunding memaklumkan cadangan mitigasi dan <i>off set</i> akan diberikan berdasarkan kajian dan berdasarkan persetujuan Jabatan Perikanan Malaysia	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Sila rujuk mukasurat 8-19.	
47.	Mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan Perikanan Melaka bahawa terdapat bantahan yang telah disampaikan oleh Jawatankuasa Pembangunan Nelayan Melaka. Dalam hal ini, mesyuarat meminta supaya pemaju dan jururunding memastikan supaya bantahan dikendalikan dengan baik agar tidak menjadi isu yang lebih besar.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Dialog Awam telah diadakan pada 21 Jun 2019. Sila rujuk Appendix XVI.	
48.	Mesyuarat mengambil maklum bahawa separuh dari nelayan di sini berumur 55 ke atas dan mereka ini akan	Minit Mesyuarat	Dialog Awam telah diadakan pada 21 Jun 2019. Sila rujuk Appendix XVI dan hasil kajian SIA di	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	kehilangan sumber pendapatan. Isu kemandirian hidup akan timbul kerana mereka ini hanya merupakan nelayan pantai di mana kawasan penambakan itu merupakan kawasan kerja mereka. Dalam hal ini, mesyuarat turut menekankan supaya pemaju dan perunding membuat <i>engagement</i> bukan dengan kelompok yang betul (persatuan nelayan berdaftar ) supaya responden dapat menyatakan isu dan masalah sebenar yang dihadapi oleh nelayan terbabit.	TOR 2 Mac 2018	mukasurat 6-53.	
49.	Mesyuarat mengambil maklum bahawa pengusaha ikan bakar juga turut terjejas akibat aktiviti penambakan ini. Dalam hal ini, impak terhadap industri sebegini perlu diambilkira di dalam laporan. Prof Shawahid memaklumkan bahawa <i>engagement</i> dengan dua wakil persatuan nelayan dan peniaga telah dijalankan. Pandangan pelancong turut diambilkira.	Minit Mesyuarat TOR 2 Mac 2018	Dialog Awam telah diadakan pada 21 Jun 2019. Sila rujuk Appendix XVI.	
50.	Tapak yang dicadangkan merupakan milik Yayasan Melaka dan telah ditandakan sebagai kawasan tambakan di dalam Pelan Pembangunan Persisiran Pantai Negeri Melaka. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2011 bertarikh 24 Oktober 2011 memutuskan pembangunan ini tidak dirujuk ke MPFN.	PLAN Malaysia @ Melaka	Segala keputusan adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah pun bersetuju bahawa projek ini tidak akan melalui MPFN.	
51.	Perlu menyediakan penilaian terhadap impak ekonomi penduduk sekitar yang dijangka selepas pembangunan terutama bagi penduduk yang menjalankan aktiviti perikanan di sekitar lokasi tapak pemajuan serta mitigasi terhadap impak tersebut.	PLAN Malaysia @ Melaka	Dialog Awam telah diadakan pada 21 Jun 2019. Sila rujuk Appendix XVI dan hasil kajian SIA di mukasurat 7-26 & 8-16.	
52.	Perlu menyediakan penilaian terhadap tahap keadaan persekitaran fizikal semasa di tapak cadangan dan kawasan sekitarnya terutama dari aspek visual.	PLAN Malaysia @ Melaka	Sila rujuk Bab 6.	
53.	<b>Dasar Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai (RFZPPN)</b> secara dasarnya tidak mengalakkan penambakan pantai bagi tujuan pembangunan <b>kecuali</b> penambakan yang melibatkan infrastruktur dan projek berkepentingan negara	PLAN Malaysia	Segala keputusan adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Tapak yang dicadangkan merupakan milik Yayasan Melaka dan telah ditandakan sebagai kawasan tambakan di dalam Pelan Pembangunan Persisiran Pantai Negeri Melaka.	

**Senarai Semak Bagi Pematuhan Ke Atas Revised TOR / Komen-Komen Agensi**

No.	Perkara/ Item / Komen-komen	Jabatan	Rujukan Dalam Laporan EIA	Ulasan JAS
	<p>seperti mana berikut:</p> <p><b>RFN Ke-3, Tindakan KD2.2B;</b>                      Sebarang akliviti penambakan dan tebus guna tanah tidak dibenarkan kecuali di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan serta manfaat aktiviti tersebut dapat dibuktikan dengan jelas dalam memberi sumbangan sosioekonomi yang signifikan pada peringkat negeri dan negara (seperti pembangunan infrastruktur):dan</li> <li>- Tidak menjejaskan alam sekitar secara signifikan</li> </ul> <p>Penambakan juga tidak dibenarkan di kawasan hutan bakau serta tanah lembap yang telah diwartakan, kawasan sensitif alam sekitar, kawasan-kawasan yang diiktiraf mempunyai nilai ekologi, kebudayaan, dan ekonomi yang tinggi, serta Zon Perlindungan Pantai yang dinyatakan di dalam RFN Ke-3</p>			